

DUN TERENGGANU TANPA PEMBANGKANG: SATU TINJAUAN ANALISIS MEDIA

Ilyas Bin Abdullah¹, Ku Hasnan Ku Halim², Shuhairimi Abdullah^{3*}

¹Fakulti Sains Pentadbiran Dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub

²Pusat Pengajian Umum dan Ko Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

³Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis polemik berkaitan keberkesanan fungsi Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu pasca Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023 yang menyaksikan ketiadaan pembangkang buat pertama kali dalam sejarah politik moden negeri tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap lapan (8) tajuk berita terpilih yang diterbitkan antara Ogos hingga Oktober 2023 daripada lima organisasi media arus perdana, iaitu Bernama, Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo dan Sinar Harian. Analisis tertumpu kepada dua tema utama, iaitu polemik terhadap ketiadaan pembangkang dan cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh pelbagai pihak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebimbangan utama media tertumpu kepada kelemahan mekanisme semak dan imbang formal, risiko pemusatan kuasa, serta keberkesanan perbahasan dalam DUN. Namun demikian, turut wujud naratif penyesuaian institusi melalui peranan backbencher, penglibatan rakyat melalui platform awam dan media baharu, serta cadangan pelantikan ADUN Lantikan sebagai alternatif kawalan demokratik. Secara analitikal, kajian ini merumuskan bahawa walaupun ketiadaan pembangkang melemahkan fungsi semak dan imbang secara formal, mekanisme tersebut masih boleh beroperasi secara relatif melalui institusi sedia ada dan pengawasan awam, namun keberkesanannya sangat bergantung kepada tahap ketelusan, akauntabiliti dan keterbukaan politik kerajaan negeri.

Kata Kunci: Pilihan Raya Negeri, Dewan Undangan Negeri, Ketiadaan Pembangkang, Analisis Media, Semak dan Imbang.

ABSTRACT

This article examines the polemic surrounding the effectiveness of the Terengganu State Legislative Assembly (DUN) following the 2023 State Election, which resulted in the absence of an opposition for the first time in the state's modern political history. This study adopts a qualitative approach through content analysis of eight (8) selected news headlines published between August and October 2023 from five mainstream media organizations, namely Bernama, Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo, and Sinar Harian. The analysis focuses on two main themes: public polemics regarding the absence of opposition and the proposed institutional solutions offered by various stakeholders. The findings reveal that media concerns primarily revolve around the weakening of formal check-and-balance mechanisms, the risks of power concentration, and the effectiveness of legislative debates. Nevertheless, parallel narratives on institutional adaptation emerge through the roles of government backbenchers, public participation via alternative platforms, and proposals for the appointment of special assembly

members as alternative democratic safeguards. Analytically, the study concludes that although the absence of a formal opposition weakens conventional legislative oversight, the check-and-balance function may still operate relatively through existing institutional mechanisms and public scrutiny; however, its effectiveness remains highly dependent on the level of transparency, accountability, and political openness demonstrated by the state government.

Keywords: State Election, State Legislative Assembly, Absence of Opposition, Media Analysis, Checks and Balances.

1. PENGENALAN

Pilihanraya Negeri (PRN) yang diadakan pada tahun 2023 melibatkan Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah merupakan satu pilihanraya yang penting bagi melihat impak pilihanraya umum (PRU) ke-15 tahun 2022 terhadap parti politik dalam Kerajaan Perpaduan iaitu Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) serta parti politik dari Sabah dan Sarawak selain menilai sekiranya wujud pola politik baharu terhadap corak sokongan pengundi terhadap Perikatan Nasional (PN). Bagaimanapun, keputusan PRN 2023 menunjukkan bahawa PH dan PN masing-masing kekal menguasai negeri yang dimenangi pada PRU ke-14 yang lalu. Bagaimanapun negeri yang dikuasai PH dilihat berlaku penyusutan kerusi yang agak ketara khususnya di Pulau Pinang dan Selangor terutamanya kawasan majoriti Melayu di luar bandar. Menariknya dalam PRN tahun 2023, PAS berjaya melakar sejarah gemilang apabila berjaya memenangi kesemua 32 kerusi DUN yang dipertandingkan di Terengganu (Junaidi, Zaini, Novel & AAjirah Hanim, 2023).

Keputusan tersebut juga didorong oleh referendum ahli UMNO terhadap parti UMNO yang merupakan sekutu utama PH-BN dalam Kerajaan Perpaduan. Antara faktor lain juga, PAS dilihat berjaya mendapatkan sokongan luar biasa daripada pengundi muda yang inginkan pemimpin dan parti politik yang bersih dari rasuah dan penyelewengan. Tagline Bersih dan Stabil (BEST) serta naratif Melayu-Islam yang sering diulang-ulang menjadi antara faktor paling berkesan yang membawa kepada kemenangan luar biasa PAS dalam PRN 2023 khususnya di Terengganu. Dalam konteks politik Terengganu, kekuatan PAS dan UMNO khususnya pasca PRU ke-10 adalah seimbang. Kedua-dua parti mampu memperolehi undi popular yang hampir seimbang di kebanyakan PRU bermula PRU tahun 1999 sehingga PRU tahun 2018. PAS dan UMNO secara seimbang membentuk kerajaan di Terengganu.

Keputusan tersebut banyak bergantung kepada sokongan pengundi atas pagar sekaligus menjadikan pola pengundian di Terengganu sebagai sesuatu yang sukar untuk diramal. Dalam PRU tahun 2022 ayunan pengundi di Terengganu kepada PAS bersifat hampir pukal apabila PAS menyapu bersih kesemua lapan kerusi Parlimen. Kejayaan PAS mendapatkan 70 peratus undi popular dalam dua PRU secara berturut-turut menjadikan Terengganu sebagai satu-satunya negeri tanpa pembangkang (Faris Akmal, Wan Rohila & Che Hamdan, 2024).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Keberkesanan rakyat mengawal tindak-tanduk kerajaan adalah faktor yang menentukan darjah atau tahap demokrasi dalam sistem politik. Kuasa semak dan imbang yang ada pada rakyat adalah bersifat bermusim iaitu melalui proses pilihanraya. Dengan wujudnya sistem perwakilan, maka sistem demokrasi ini dikenali sebagai sistem demokrasi tidak langsung. Ini bermaksud DUN atau Parlimen berperanan dalam menggubal dan meluluskan dasar yang melibatkan kepentingan rakyat. Proses ini dilakukan oleh wakil rakyat yang dipilih menerusi pilihanraya. Wakil rakyat bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat. Demokrasi inilah yang diamalkan oleh sebahagian besar negara demokrasi di dunia pada hari ini termasuk Malaysia. Risiko yang terdapat pada sistem demokrasi secara tidak langsung ini ialah persoalan keupayaan majoriti rakyat untuk mengawal tindak-tanduk kerajaan yang memerintah supaya tidak menjejaskan kepentingan rakyat. Di Malaysia, wujudnya percantuman bukan pengasingan kuasa antara tiga cabang utama kerajaan khususnya badan legislatif dan eksekutif.

Namun begitu, dalam konteks politik Malaysia, aspek demokrasi dan pendemokrasian boleh diukur dan dilihat dengan menggunakan dua angkubah terpenting dalam sistem demokrasi iaitu persaingan dan perwakilan. Aspek persaingan memperlihatkan bagaimana ia bergerak dalam lingkungan sistem politik yang lebih formal yang ada kaitan langsung dengan agihan kuasa. Secara lebih spesifik boleh dirujuk kepada peranan parti politik. Dari aspek perwakilan pula, ia akan melebarkan pengaruh pendemokrasian dalam fabrik masyarakat sekaligus mendorong aspek persaingan yang lebih terbuka dan sihat (Ghazali Mayudin, 2008).

Di Parlimen, selain peranan pembangkang di Dewan Rakyat, kewujudan Dewan Negara juga merupakan aspek penting dalam proses semak dan imbang segala rang undang-undang yang dibuat oleh ahli Dewan Rakyat. Namun, praktis tersebut tidak berlaku di peringkat negeri. DUN hanya mempunyai satu dewan sahaja (*unicameral*). Dalam hal ini, mekanisme semak dan imbang bergantung sepenuhnya kepada keberkesanan pembangkang di DUN. Namun begitu, keputusan PRN tahun 2023 di Terengganu menjadi polemik dan perdebatan berkait dengan peranan semak dan imbang di DUN. Hal ini berikutan kejayaan PAS berjaya menguasai kesemua 32 kawasan DUN. Sebelumnya, PAS tidak pernah kekal berkuasa di Terengganu melebihi satu penggal. PAS pernah berkuasa di Terengganu pada tahun 1959 namun berakhir pada tahun 1961 disebabkan oleh undi tidak percaya yang dibawa dalam DUN.

Dalam PRU tahun 1999, PAS sekali lagi berjaya membentuk kerajaan namun hanya kekal selama satu penggal sahaja sebelum berakhir pada tahun 2004. PRU tahun 2018 menyaksikan prestasi PAS semakin baik di Terengganu apabila berjaya menguasai 22 kerusi daripada 32 kerusi DUN di Terengganu. Sekali lagi sejarah tercipta apabila PAS berjaya mengekalkan kuasanya dalam dua penggal pilihanraya secara berturut-turut iaitu pada PRU tahun 2022 dan PRN tahun 2023 sekaligus meninggalkan DUN Terengganu tanpa kehadiran pembangkang. Berdasarkan

keputusan tersebut, artikel ini cuba mengkaji analisis media terhadap polemik DUN Terengganu tanpa pembangkang dan penyelesaiannya.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk penyelidikan berbentuk analisis kandungan (*content analysis*). Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti makna, wacana, tafsiran serta pembinaan naratif media terhadap sesuatu isu sosial dan politik (Creswell, 2014; Braun & Clarke, 2006). Dalam konteks kajian ini, pendekatan tersebut digunakan untuk meneliti polemik ketiadaan pembangkang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu pasca Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023.

Secara khusus, kajian ini menggabungkan dua teknik utama iaitu kajian perpustakaan dan analisis kandungan terhadap tajuk-tajuk berita terpilih. Kajian perpustakaan digunakan untuk membina kerangka teori berkaitan demokrasi, sistem pembangkang dan mekanisme semak dan imbang melalui rujukan buku akademik, jurnal dan dokumen rasmi (Zed, 2008; Creswell, 2014). Analisis kandungan pula digunakan untuk meneliti representasi media terhadap isu DUN tanpa pembangkang.

3.1 Sumber Data dan Skop Kajian

Sumber data utama kajian ini terdiri daripada lapan (8) tajuk berita terpilih yang diterbitkan dalam tempoh Ogos hingga Oktober 2023, iaitu selepas keputusan rasmi PRN Terengganu diumumkan. Tajuk-tajuk berita ini dipilih daripada lima organisasi media arus perdana nasional, iaitu:

1. Bernama
2. Utusan Malaysia
3. Berita Harian
4. Kosmo
5. Sinar Harian

Pemilihan tempoh kajian ini adalah signifikan kerana ia merangkumi fasa awal pembentukan kerajaan negeri pasca kemenangan mutlak PAS serta fasa awal pembentukan wacana awam mengenai implikasi ketiadaan pembangkang di DUN Terengganu. Media arus perdana dipilih kerana ia berfungsi sebagai pembentuk agenda awam (*agenda-setter*) dalam sistem politik demokrasi (McCombs & Shaw, 1972; Weiss, 2014).

3.2 Kriteria Pemilihan Tajuk Berita

Pemilihan tajuk-tajuk berita dilakukan secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu kaedah pemilihan data berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian (Palinkas et al., 2015). Tiga kriteria utama pemilihan tajuk berita adalah:

- i. Tajuk berita mestilah berkaitan secara langsung dengan isu ketiadaan pembangkang di DUN Terengganu.

- ii. Tajuk berita mengandungi elemen polemik, kritikan, kebimbangan, atau cadangan penyelesaian terhadap fungsi semak dan imbang.
- iii. Tajuk berita diterbitkan oleh media arus perdana yang berautoriti dan mempunyai capaian nasional.

Kaedah ini bertujuan memastikan data yang dianalisis benar-benar relevan, signifikan dan mewakili pembinaan wacana dominan dalam masyarakat.

3.3 Jenis dan Prosedur Analisis Data

Kajian ini menggunakan analisis kandungan kualitatif berbentuk tematik (thematic content analysis) seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Analisis ini dilaksanakan melalui tiga peringkat utama:

- i. Pengekoden Terbuka (*Open Coding*)

Semua tajuk dan kandungan berita dianalisis secara induktif bagi mengenal pasti tema-tema utama yang berulang. Dalam kajian ini, dua tema teras dikenal pasti iaitu:

- Polemik terhadap ketiadaan pembangkang di DUN
 - Cadangan penyelesaian dan mekanisme alternatif semak dan imbang
- ii. Pengekoden Paksi (*Axial Coding*) Tema-tema utama dikelompokkan kepada beberapa subtema seperti:
 - Kebimbangan terhadap pemusatan kuasa
 - Keberkesanan perbincangan DUN
 - Peranan backbencher kerajaan
 - Peranan rakyat dan media
 - Cadangan pelantikan ADUN Lantikan
 - iii. Pengekoden Terpilih (*Selective Coding*)

Pada peringkat ini, dapatan dianalisis secara interpretatif dengan menghubungkannya kepada kerangka teori demokrasi, sistem parti dominan dan mekanisme semak dan imbang (Dahl, 1989; Lijphart, 2012).

3.4 Kebolehpercayaan dan Kesahan Data

Bagi menjamin kebolehpercayaan (reliability) dan kesahan (validity) dapatan, beberapa langkah diambil:

- i. Hanya media arus perdana yang mempunyai kredibiliti kewartawanan dipilih sebagai sumber data (Weiss, 2014).
- ii. Tema-tema utama dikenal pasti berdasarkan kekerapan isu yang konsisten merentasi pelbagai sumber media, bukan bergantung kepada satu sumber sahaja.
- iii. Perbandingan silang antara media dibuat untuk mengurangkan bias laporan (Krippendorff, 2018).

3.5 Keterbatasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan, antaranya:

- i. Analisis hanya tertumpu kepada tajuk dan kandungan berita, tanpa melibatkan temu bual dengan wartawan, pembuat dasar atau ahli politik.
- ii. Data kajian hanya melibatkan media arus perdana dan tidak merangkumi sepenuhnya media sosial secara empirikal.
- iii. Skop kajian terhad kepada tempoh awal pasca PRN 2023, justeru belum mewakili perkembangan jangka panjang fungsi DUN tanpa pembangkang.

Namun demikian, batasan ini tidak menjejaskan matlamat utama kajian kerana fokus artikel adalah untuk menilai pembentukan polemik awal, cadangan penyelesaian dan wacana media terhadap mekanisme semak dan imbang.

4.0 KERANGKA TEORI DEMOKRASI, SEMAK DAN IMBANG SERTA SISTEM TANPA PEMBANGKANG

PRU 2022 dan PRN 2023 mencatatkan sejarah terbesar terhadap pencapaian PAS khususnya di Terengganu. Dalam PRU 2022, PAS berjaya menyapu bersih kesemua lapan kerusi Parlimen selain menyapu di semua 32 DUN yang ditandingi hasil gabungan PAS dan BERSATU. Keputusan luar biasa ini sekaligus merencanakan impian UMNO untuk kembali memerintah Terengganu bersama parti gabungan dalam Pakatan Harapan (PH). Lebih mengejutkan, PAS juga berjaya mengalahkan beberapa nama besar daripada UMNO iaitu dua bekas Menteri Besar Terengganu iaitu Ahmad Said dan Ahmad Razif yang tewas di kawasan yang dianggap sebagai benteng terkuat UMNO di Terengganu. Kejayaan PAS ini juga berjaya menamatkan tanggapan ahli dan penyokong UMNO terhadap PAS sebagai kerajaan yang hanya mampu bertahan sepinggal sahaja (Zatul Iffah Zolkiply, Nazdy Harun & Faizul Azlan Razak, 2023).

Perkembangan itu pastinya membuka episod baru dalam politik Terengganu apabila fungsi pembangkang kepada kerajaan tidak berlaku dalam tempoh penggal pasca PRN 2023. Hal ini mencetuskan polemik tentang fungsi dan peranan pembangkang di DUN Terengganu. Justeru itu, Kerajaan Terengganu disaran oleh pelbagai pihak untuk mencari kaedah dan model terbaik dalam sistem pentadbiran agar lebih telus dan efisien dalam membuat sebarang keputusan yang bakal dilaksanakan demi kepentingan negeri dan rakyat. Keputusan PRN tahun 2023 merupakan manifestasi yang terbit daripada keputusan rakyat memilih kerajaan tanpa adanya pembangkang di dalam DUN. Doktrin pengasingan kuasa merupakan pembahagian di dalam alam demokrasi iaitu kuasa legislative serta judisiari meenjadi mekanisme semak dan imbang yang efektif bagi kerajaan walaupun pemusatan kuasa pasca PRN 2023 sepenuhnya berada di pihak kerajaan yang didominasi PAS. PRN yang berlangsung pada 12 Ogos 2023 lalu menyaksikan buat kali pertama dalam sejarah politik moden, DUN Terengganu tidak mempunyai pembangkang selepas PN yang didominasi PAS

berjaya menyapu bersih kesemua 32 kerusi DUN yang dipertandingkan, malah turut merekodkan kemenangan dengan majoriti yang lebih tinggi (Haspida Yatim, 2023).

Jadual 1: Polemik Daripada Tajuk Berita Terpilih

| Tarikh Berita | Sumber Berita | Tajuk Berita |
|-------------------|-----------------|---|
| 15 Ogos 2023 | BERNAMA | Dewan Legislatif Tidak Boleh Dibiarkan Tanpa Pembangkang |
| 16 Ogos 2023 | BERNAMA | ADUN Terengganu Diminta Jangan Berat Sebelah, Berani Suarakan Pandangan |
| 14 September 2023 | Utusan Malaysia | DUN Tanpa Pembangkang Tidak Sihat |
| 5 Oktober 2023 | Berita Harian | Jangan Selesa Dengan DUN Tanpa Pembangkang |

Keadaan yang berlaku di DUN Terengganu terus menimbulkan polemik berkaitan siapa yang akan berperanan sebagai mekanisme semak dan imbang bagi menegur kepincangan pentadbiran kerajaan negeri khususnya ketika DUN bersidang berikutan kesemua wakil rakyat di dalam DUN adalah dari blok parti yang sama dengan kepimpinan negeri. Ketiadaan pembangkang di DUN juga dikatakan sebagai sesuatu yang kurang sihat kerana tidak akan wujud proses semak dan imbang secara efektif. Kewujudan pembangkang sangat penting walaupun peranan semak dan imbang tersebut boleh dilakukan oleh *backbencher* (penyokong kerajaan) namun fungsinya tidak akan sama dengan pembangkang yang konstruktif. DUN Terengganu juga dianggap sebagai politik monopoli. Namun begitu, yang menentukan terjadinya politik monopoli ini ialah rakyat yang telah memberi mandat penuh kepada PAS dalam PRN 2023 yang lalu (Shuhaida Mohd Said, 2023).

Ketiadaan pembangkang di DUN juga dilihat tidak sihat untuk sistem demokrasi. Pembangkang sememangnya diperlukan bagi memastikan peranan semak dan imbang setiap kali sidang berlangsung (Yatimin Abdullah, 2023). Keadaan yang berlaku di DUN Terengganu turut mendapat perhatian dan kebimbangan berkaitan keberkesanan perbahasan. Kesemua ADUN turut digesa untuk tidak menyebelahi pihak parti pemerintah sebaliknya perlu ikhlas dan jujur dalam menjalankan tanggungjawab. Meskipun kesemua ADUN daripada gabungan parti politik yang sama, setiap ADUN juga disaran untuk berani menyuarakan pandangan demi kesejahteraan rakyat Terengganu.

4.1 Teori Demokrasi Perwakilan dan Semak dan Imbang

Dalam kerangka demokrasi moden, prinsip semak dan imbang merupakan elemen teras yang memastikan tiada satu cabang kuasa memonopoli proses membuat keputusan. Menurut Dahl (1989), demokrasi perwakilan berfungsi melalui dua

elemen utama, iaitu persaingan politik dan penyertaan rakyat secara bermakna. Dalam konteks ini, kewujudan pembangkang berperanan sebagai mekanisme institusi yang menilai, mengkritik dan mengawasi tindakan kerajaan secara berterusan. Model Westminster yang diamalkan di Malaysia pula memperuntukkan peranan pembangkang sebagai “His Majesty’s Loyal Opposition”, yakni pembangkang yang setia kepada negara tetapi kritikal terhadap kerajaan (McLean & McMillan, 2013).

Kajian Lijphart (2012) pula menegaskan bahawa sistem demokrasi yang sihat memerlukan pengagihan kuasa yang seimbang antara eksekutif dan legislatif bagi mengelakkan kecenderungan autoritarian dalam sistem pilihan raya. Tanpa pembangkang yang berfungsi, fungsi pengawasan legislatif akan menjadi lemah dan berpotensi mewujudkan dominasi eksekutif yang tidak terkawal.

4.2 Sistem Parti Dominan dan Risiko Pemusatan Kuasa

Ketiadaan pembangkang lazimnya dikaitkan dengan sistem parti dominan (dominant-party system). Menurut Levitsky dan Way (2010), sistem ini berupaya mengekalkan kestabilan politik jangka pendek tetapi cenderung melemahkan mekanisme akauntabiliti dalam jangka panjang. Di negara-negara seperti Jepun, Afrika Selatan dan Singapura, dominasi satu parti yang berpanjangan menyebabkan peranan legislatif menjadi semakin bersifat simbolik dan tunduk kepada kehendak eksekutif (Pempel, 1990; Southall, 2014).

Dalam konteks peringkat negeri, ketiadaan pembangkang boleh mengakibatkan kelemahan signifikan terhadap proses “executive oversight”, khususnya dalam perbincangan belanjawan, soal jawab dasar awam, serta pemantauan projek pembangunan. Norris (2011) menjelaskan bahawa tanpa persaingan politik yang efektif, pilihan dasar kerajaan mudah terjerumus kepada budaya “*rubber stamp parliament*”.

4.3 Peranan Backbencher sebagai Mekanisme Semak Dalaman

Walaupun pembangkang merupakan mekanisme semak formal yang paling utama, kajian perbandingan parlimen menunjukkan bahawa backbenchers juga berpotensi memainkan peranan semak dan imbang dalaman (intra-party accountability). Cowley (2002) membuktikan bahawa backbenchers di Parlimen Britain mampu mempengaruhi dasar melalui soalan parlimen, usul persendirian, serta tekanan dalaman parti.

Namun begitu, keberkesanan backbencher sangat bergantung kepada tahap kebebasan politik, disiplin parti, dan budaya politik setempat. Dalam sistem politik yang sangat berdisiplin seperti di Malaysia, peranan backbencher sering dibatasi oleh struktur parti yang kuat (Khoo, 2020). Justeru, pergantungan sepenuhnya kepada backbencher sebagai mekanisme semak utama masih mempunyai had struktural yang jelas.

4.4 ADUN Lantikan sebagai Mekanisme Representasi Alternatif

Literatur mengenai pelantikan wakil lantikan dalam institusi legislatif menunjukkan bahawa mekanisme ini lazim digunakan untuk memastikan keterwakilan kelompok minoriti dan kepakaran teknikal (Reynolds, Reilly & Ellis, 2005). Dalam konteks Terengganu, peruntukan ADUN Lantikan yang diperkenalkan pada tahun 1999 mencerminkan usaha institusi untuk memastikan suara wanita dan bukan Islam tidak terpinggir. Dari sudut teori representasi politik, pelantikan wakil tanpa mandat pilihan raya tetap boleh menyumbang kepada kualiti perbahasan jika diberikan kuasa substantif dalam proses legislatif (Pitkin, 1967). Namun, kajian antarabangsa turut menegaskan bahawa wakil lantikan hanya berkesan sebagai mekanisme semak jika dilindungi daripada kawalan politik eksekutif (Johnson, 2014). Oleh itu, cadangan meluaskan fungsi ADUN Lantikan kepada wakil pembangkang perlu disertai dengan jaminan kebebasan institusi bagi memastikan keberkesanan semak dan imbang.

4.5 Peranan Media dalam Membentuk Wacana Demokrasi dan Semak dan Imbang

Media berfungsi sebagai “watchdog” dalam sistem demokrasi moden dengan menyalurkan maklumat, membentuk wacana awam, serta memberi tekanan terhadap institusi politik. Teori “agenda-setting” oleh McCombs dan Shaw (1972) menjelaskan bahawa media tidak hanya melaporkan realiti, tetapi turut membentuk keutamaan isu dalam minda masyarakat. Dalam konteks Malaysia, kajian oleh Steele (2009) dan Weiss (2014) menunjukkan bahawa framing berita politik memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran rakyat terhadap isu akauntabiliti kerajaan.

Dalam era digital, media sosial turut memperluaskan fungsi semak awam melalui penyertaan rakyat secara langsung. Menurut Chadwick (2017), sistem media hibrid membolehkan rakyat bertindak sebagai pelaku politik aktif dalam menilai dan mengkritik dasar kerajaan. Hal ini relevan dalam konteks DUN Terengganu apabila peranan pengawasan turut dipindahkan kepada ruang awam digital.

4.6 Jurang Kajian dan Sumbangan Artikel

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai demokrasi, sistem pembangkang dan peranan media di peringkat nasional, kajian khusus mengenai ketiadaan pembangkang di peringkat Dewan Undangan Negeri masih sangat terhad, khususnya dalam konteks Malaysia. Artikel ini mengisi jurang tersebut dengan menggabungkan analisis kandungan media terhadap polemik DUN Terengganu tanpa pembangkang serta mengaitkannya dengan mekanisme institusi alternatif seperti peranan backbencher, ADUN Lantikan dan pengawasan awam. Dengan itu, kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan menawarkan kerangka analisis baharu bagi memahami kelangsungan fungsi demokrasi dalam situasi ketiadaan pembangkang formal.

5. CADANGAN TERHADAP POLEMIK

Meskipun Kerajaan Terengganu berhadapan dengan pelbagai cabaran berkaitan keberkesanan perbahasan di DUN, namun kerajaan Terengganu tampil dengan penyelesaiannya. Rakyat Terengganu sendiri sebenarnya mampu berperanan sebagai pengkritik bagi memastikan sistem semak dan imbang dalam pentadbiran kerajaan berjalan dengan baik meskipun tanpa kehadiran pembangkang. Rakyat boleh menggunakan pelbagai medium baharu terutama media sosial dan sebagainya. Kerajaan negeri Terengganu akan beradaptasi dengan senario ketiadaan wakil pembangkang dalam DUN ke-15 berikutan keputusan PRN tahun 2023 bagi memastikan amalan semak dan imbang terus subur dalam kerajaan. Antara cadangan yang dipertimbangkan ialah melantik ADUN Lantikan bagi mewakili suara kelompok tertentu yang tiada dalam DUN Terengganu. ADUN kerajaan yang tidak menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) juga digalakkan untuk melakukan kritikan di dalam persidangan DUN demi kebaikan pentadbiran (Mohd Azli Adlan, 2023).

Jadual 2: Cadangan Daripada Tajuk Berita Terpilih

| Tarikh Berita | Sumber Berita | Tajuk Berita |
|----------------|-----------------|--|
| 13 Ogos 2023 | Utusan Malaysia | Kerajaan Terengganu Tetap Lancar Tanpa Pembangkang |
| 13 Ogos 2023 | Berita Harian | Terengganu Tiada Pembangkang, Rakyat Boleh Kritik Kerajaan |
| 15 Ogos 2023 | Kosmo | Kerajaan Terengganu Beradaptasi Suburkan Amalan Semak Imbang Tanpa Pembangkang |
| 5 Oktober 2023 | Sinar Harian | DUN Bersidang Tanpa Pembangkang Tetap Berjalan Dengan Baik |

Bagi mengatasi polemik tersebut, *backbenchers* perlu lebih bersiap sedia dalam mengimbangi segala tindakan kerajaan. Cadangan mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) di peringkat DUN juga boleh dilakukan bukan sahaja di Terengganu tapi diinstitusikan di peringkat DUN di semua negeri. JPKP mampu menambah satu lagi lapisan semak dan imbang selain mampu berperanan sebagai platform untuk organisasi masyarakat sivil dan pakar untuk memberikan input kepada kerajaan. Berdasarkan senario perkembangan politik negara yang dinamik, semua parti politik harus melaksanakan reformasi institusi bagi meminimumkan kelebihan penyandang. Tanpa mengambilkira mana-mana parti politik, atau gabungan yang membentuk kerajaan, wakil pembangkang harus diberikan layanan secara adil (IDEAS, 2023). Walaupun tiada pembangkang di DUN Terengganu, fungsi semak dan imbang masih boleh diwujudkan menerusi beberapa mekanisme.

Menurut Kaedah yang diperuntukkan dalam Fasal 27 (2) Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Pertama) dalam situasi apabila tiada wanita atau orang bukan Islam dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) melalui pilihanraya, maka ADUN Lantikan boleh dilantik tidak melebihi daripada empat orang dan perlu mendapat sokongan sekurang-kurangnya tujuh orang ADUN. Peruntukan undang-undang ini adalah suatu peruntukan khusus yang dipinda oleh Kerajaan PAS ketika memerintah Terengganu pada tahun 1999 sehingga 2004. Pindaan ini menjadikan Terengganu sebagai satu-satunya negeri yang mempunyai peruntukan demikian sebagai mengiktiraf kelompok yang tidak diwakili dalam DUN khususnya wanita. Justeru, Fasal yang termaktub dalam Undang-Undang Kerajaan Negeri Terengganu juga wajar diperluaskan kepada situasi apabila tiada wakil pembangkang dipilih sebagai ADUN menerusi pilihanraya. Hal ini bagi membolehkan wakil daripada parti pembangkang sekurang-kurang mampu terlibat dalam perbahasan di DUN.

Cadangan tersebut juga mampu memberikan peranan yang lebih efektif kepada wakil pembangkang dalam mengemukakan soalan-soalan di DUN untuk dijawab secara lisan atau bertulis. Selain itu, sebuah jawatankuasa pemantau bebas juga boleh ditubuhkan dengan keanggotaan turut diberikan kepada pelbagai pihak termasuk wakil parti pembangkang, pakar-pakar dalam pelbagai bidang, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga badan-badan profesional (Muhammad Sayuti & Faridah Jalil, 2024). Melalui cadangan tersebut, ianya mampu meningkatkan kebolehcapaian rakyat kepada maklumat berkaitan pelaksanaan dan keberhasilan sesuatu dasar atau program yang diumumkan dalam Enakmen Perbekalan atau Ucapan Belanjawan Tahunan Negeri. Walaupun beberapa pendekatan ini boleh membentuk semak dan imbang dalam situasi ketiadaan pembangkang di DUN, tetapi ia mungkin tidaklah sekuat apabila adanya pembangkang yang rasmi di DUN. Namun, keberkesanan mekanisme ini juga bergantung kepada kesediaan mereka yang berada dalam kerajaan untuk terlibat secara serius dalam dialog terbuka dan dengan nilai ketelusan dan akauntabiliti yang merupakan prinsip penting sistem demokrasi.

6. KESIMPULAN

Dalam sistem demokrasi yang subur, pembangkang yang kuat dan efektif sangat penting bagi tujuan semak dan imbang segala dasar dan tindak-tanduk yang dilakukan oleh kerajaan. Malah doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan oleh negara-negara Komanwel juga memperlihatkan dengan jelas wujud prinsip pengasingan kuasa melibatkan tiga cabang utama kerajaan iaitu legislatif, eksekutif dan judisiari. Bagi cabang legislative, parlimen terdiri daripada dua dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Selain peranan pembangkang di Dewan Rakyat itu sendiri, ahli Dewan Negara juga berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang bagi segala rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Namun begitu, praktis tersebut tiada di peringkat negeri. Keberkesanan pembangkang merupakan wadah terpenting bagi proses demokrasi yang subur di DUN. Walaupun begitu, ketiadaan pembangkang di DUN bukanlah bermaksud demokrasi itu sudah lumpuh. Hal ini kerana, dalam sistem politik moden, pelbagai kaedah boleh digunakan sebagai

mekanisme semak dan imbang berbeza dengan sistem politik di zaman feodal. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu yang dipinda ketika pemerintahan PAS pada 1999 itu sendiri menitikberatkan kepada perlunya ada wakil bagi kelompok yang tiada wakil dalam DUN. Hal ini menunjukkan sikap keterbukaan Kerajaan Terengganu untuk menerima cadangan atau teguran daripada ADUN Lantikan. Justeru DUN tanpa pembangkang tidak wajar dijadikan polemik yang tiada penghujung. Ini kerana politik dominasi tersebut merupakan pilihan yang dilakukan oleh rakyat menerusi pilihanraya dan seharusnya dihormati.

RUJUKAN

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Chadwick, A. (2017). *The hybrid media system: Politics and power* (2nd ed.). Oxford University Press.
- Cowley, P. (2002). *The rebels: How Blair misled his majority*. Politico's Publishing.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dahl, R. A. (1989). *Democracy and its critics*. Yale University Press.
- Faris Akmal, Wan Rohila Ganti & Che Hamdan, 2024. *Aktivisme Politik Berintensiti for Democracy and Economic Affairs*.
- Ghazali Mayudin, 2008. *Politik Malaysia. Perspektif Teori Dan Praktik*. Bangi: Penerbit
- Haspida Yatim, 2023. *Tiada Pembangkang: Sultan Terengganu Saran Cari Model IDEAS, 2023. Lupakan Perpecahan Dan Kembali Tumpu Mentadbir Negara*.
- Johnson, R. (2014). The role of appointed members in legislative oversight. *Journal of Legislative Studies*, 20(3), 345–365.
- Khoo, B. T. (2020). *Democracy disconnected: Malaysia's crisis of representation*. Oxford University Press.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- Levitsky, S., & Way, L. A. (2010). *Competitive authoritarianism: Hybrid regimes after the Cold War*. Cambridge University Press.
- Lijphart, A. (2012). *Patterns of democracy: Government forms and performance in thirty-six countries* (2nd ed.). Yale University Press.
- McCombs, M. E., & Shaw, D. L. (1972). The agenda-setting function of mass media. *Public Opinion Quarterly*, 36(2), 176–187.
- McLean, I., & McMillan, A. (2013). *State of the Union: Unionism, devolution and the UK state*. Oxford University Press.
- Mohd Azli Adlan, 2023. *PRN: Tiada Pembangkang Di Terengganu*. Kosmo.
- Muhammad Sayuti & Faridah Jalil, 2024. *Perkembangan Dewan Undangan Negeri*
- Norris, P. (2011). *Democratic deficit: Critical citizens revisited*. Cambridge University Press.
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in

- mixed method implementation research. *Administration and Policy in Mental Health*, 42(5), 533–544.
- Pempel, T. J. (1990). *Uncommon democracies: The one-party dominant regimes*. Cornell University Press.
- Pilihanraya Umum (PRU) Negeri Di Malaysia 2023: Satu Analisis Geografikal Dan Sosiologikal. *International Journal of Law, Government Communication (IJLGC)*, vol. 8 (34).
- Pitkin, H. F. (1967). *The concept of representation*. University of California Press.
- Reynolds, A., Reilly, B., & Ellis, A. (2005). *Electoral system design: The new International IDEA handbook*. International IDEA.
- Shuhaida Mohd Said, 2023. Dewan Legislatif Tidak Boleh Dibirar Tanpa Pembangkang.
- Southall, R. (2014). The African National Congress and South Africa's negotiated transition. *Government and Opposition*, 49(3), 402–429.
- Steele, J. (2009). *Professionalism online: How Malaysians bypass censorship*. *Journal of Communication*, 59(7), 353–374.
- Weiss, M. L. (2014). *Politics in cyberspace: New media in Malaysia*. In V. Hadiz & S. Robison (Eds.), *The political economy of Southeast Asia* (pp. 111–132). Routledge.
- Weiss, M. L. (2014). *Politics in cyberspace: New media in Malaysia*. Routledge.
- Yatimin Abdullah, 2023. DUN Tanpa Pembangkang Tidak Sihat. Utusan Malaysia.
- Zed, M. (2008). *Metode penelitian kepustakaan*. Yayasan Obor Indonesia.